



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

***PENGARUH KEBOLEHGUNAAN, PENERIMAAN DAN PENGURUSAN  
PERUBAHAN SISTEM PENGURUSAN SEKOLAH TERHADAP  
KEBERKESANANNYA DI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN DI  
MALAYSIA***

**WAN MARFAZILA BINTI WAN MAHMUD**

**FPP 2020 37**



**PENGARUH KEBOLEHGUNAAN, PENERIMAAN DAN PENGURUSAN  
PERUBAHAN SISTEM PENGURUSAN SEKOLAH TERHADAP  
KEBERKESANANNYA DI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN DI  
MALAYSIA**

Oleh

**WAN MARFAZILA BINTI WAN MAHMUD**

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti  
Putra Malaysia sebagai Memenuhi Keperluan untuk Ijazah  
Doktor Falsafah**

**Julai 2019**

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia  
sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah

**PENGARUH KEBOLEHGUANAAN, PENERIMAAN DAN PENGURUSAN  
PERUBAHAN SISTEM PENGURUSAN SEKOLAH TERHADAP  
KEBERKESANANNYA DI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN DI  
MALAYSIA**

Oleh

**WAN MARFAZILA BINTI WAN MAHMUD**

**Julai 2019**

**Pengerusi : Habibah Ab. Jalil, PhD**  
**Fakulti : Pengajian Pendidikan**

Sistem maklumat pengurusan pada masa kini memainkan peranan yang sangat penting bagi sesebuah organisasi. Sekolah juga tidak ketinggalan dalam penggunaan sistem maklumat dalam pengurusan di sekolah. Objektif kajian ini dilakukan adalah untuk meramal pengaruh di antara kebolehgunaan, penerimaan dan pengurusan perubahan SPS terhadap keberkesanan sekolah, meramal jantina guru berperanan sebagai moderator dalam pengaruh kebolehgunaan, penerimaan dan pengurusan perubahan SPS terhadap keberkesanan sekolah dan seterusnya membentuk model ramalan yang sepadan berkaitan dengan kebolehgunaan sps, penerimaan sps dan pengurusan perubahan SPS terhadap keberkesanan sekolah.

Kajian ini dilakukan mengikut negeri dan zon di semenanjung Malaysia yang telah terpilih secara rawak iaitu Zon Tengah (Daerah Petaling Perdana, Selangor), Zon Utara (Daerah Timur Laut, Pulau Pinang), Zon Timur (Daerah Kota Bahru, Kelantan) dan Zon Selatan (Daerah Johor Bahru, Johor). Rekabentuk kajian deskriptif dan juga korelasi melalui kaedah tinjauan digunakan dalam kajian ini. Borang soal selidik di edar kepada 420 orang guru yang merupakan sampel dalam kajian ini. Pemilihan sampel menggunakan teknik pensampelan rawak berstrata dan rawak mudah. Lima konstruk yang terlibat dalam kebolehgunaan SPS yang terdiri daripada kualiti, kualiti maklumat, kualiti perkhidmatan, kepuasan dan penggunaan. Manakala, empat konstruk untuk mengukur penerimaan SPS yang terdiri daripada jangkaan prestasi, jangkaan usaha, pengaruh sosial dan keadaan kemudahan. Seterusnya, lima konstruk bagi mengukur pengurusan perubahan SPS yang terdiri daripada kesedaran, keinginan, pengetahuan, keupayaan dan pengukuhan. Data ini dianalisis secara deskriptif dan inferensi menggunakan IBM SPSS dan AMOS versi 22.0.

Manakala, Pemodelan Persamaan Berstruktur (SEM) digunakan bagi pengujian hipotesis.

Hasil analisis statistik deskriptif menunjukkan tahap keberkesanan sekolah berada pada tahap rendah. Nilai min keseluruhan bagi kebolehgunaan SPS, penerimaan SPS dan pengurusan perubahan SPS adalah rendah. Hasil analisis menunjukkan model pengaruh kebolehgunaan SPS, penerimaan SPS dan pengurusan perubahan SPS terhadap keberkesanan sekolah mencapai padanan yang baik berdasarkan nilai (RMSEA=.046,  $p$ =.000, CFI=.903, IFI=.903, TLI=.900 dan CMIN/df=1.815). Pemboleh ubah kebolehgunaan SPS, penerimaan SPS dan pengurusan perubahan SPS menyumbang secara keseluruhan sebanyak 64% kepada keberkesanan sekolah. Pemboleh ubah kebolehgunaan SPS dan penerimaan SPS mempunyai hubungan langsung yang signifikan dengan keberkesanan sekolah. Sementara itu, jantina didapati bukan moderator bagi pemboleh ubah kebolehgunaan SPS, penerimaan SPS dan pengurusan perubahan SPS terhadap keberkesanan sekolah. Implikasinya, cadangan terhadap pengurusan perubahan SPS patut dipertingkatkan bagi membantu guru-guru bersedia dan memahami dalam pelaksanaan SPS bagi meningkatkan lagi keberkesanan sekolah sekali gus pembangunan di sekolah. Perkara ini penting bagi memastikan guru-guru dapat menerima perubahan yang berlaku dalam pelaksanaan sesuatu dasar yang baru di sekolah dengan lebih berkesan.

Aspek kebolehgunaan SPS pula, pengkaji mencadangkan sistem yang diaplikasikan di sekolah sewajarnya diberi perhatian yang mendalam oleh pihak atasan agar ianya memberi keberkesanan yang berkesan terhadap sekolah. Ini bertujuan untuk menggalakkan keberkesanan sekolah yang lebih sistematik dalam usaha meningkatkan penggunaan sistem pengurusan sekolah (SPS). Justeru, ketiga-tiga pemboleh ubah ini memainkan peranan penting dalam membantu meningkatkan kualiti SPS terhadap pembangunan pengurusan di sekolah.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

**INFLUENCE OF USABILITY, ACCEPTANCE, AND CHANGE MANAGEMENT ON SCHOOL MANAGEMENT SYSTEM'S EFFECTIVENESS AT NATIONAL SECONDARY SCHOOLS IN MALAYSIA**

By

**WAN MARFAZILA BINTI WAN MAHMUD**

**July 2019**

**Chairman : Habibah Ab. Jalil, PhD**  
**Faculty : Educational Studies**

Nowadays, information management systems play a vital role in organizations. Schools are amongst the organizations which utilize information management systems in their operations. The purpose of this research are 1) to predict the influence of usability, acceptance and change management on school management systems' (SPS) effectiveness, 2) to predict the moderating effect of teachers' gender difference in the relationship between SPS' influence, acceptance and change management and schools' effectiveness, and 3) build a predictor model which suits SPS' usability, acceptance and change management for schools' effectiveness.

This research was done in four randomly selected districts in different states and zones in peninsular Malaysia which includes the Central Zone (Petaling Perdana district, Selangor), North Zone (North East district, Pulau Pinang), East Zone (Kota Bahru district, Kelantan) and South Zone (Johor Bahru district, Johor). The descriptive research design and correlation as measured through a survey were employed as methods in this research. Survey questionnaires were distributed to 420 teachers who act as samples for this research. Samples were chosen using the stratified random and random sampling techniques. Five constructs involved in SPS usability which include, quality, information quality, quality service, satisfaction and usage were included. Four constructs are involved in SPS acceptance, which include performance expectation, effort expectation, social influence and condition of facilities. For SPS change management, there are five constructs involved which include awareness, eagerness, knowledge, ability and reinforcement. Data was analyzed descriptively and inferenced using IBM SPSS and AMOS version 22.0. Structural Equation Modelling (SEM) was used for hypothesis testing.

The statistical descriptive analysis conducted showed schools' effectiveness to be at a low level. Overall, the mean values for SPS usability, SPS acceptance and SPS change management are low. The results of the analysis show that SPS usability, SPS acceptance and SPS change management influences school effectiveness as a good correlation was reached as shown by these values (RMSEA=.046,  $p=.000$ , CFI=.903, IFI=.903, TLI=.900 dan CMIN/df=1.815). Variables under SPS usability, SPS acceptance and SPS change management holistically contribute 64% towards school effectiveness. Variables under SPS usability and SPS acceptance are significantly related to school effectiveness. However, it was discovered that gender is not a moderator for the variables of SPS usability, SPS acceptance and SPS change management in their relationship with schools' effectiveness. The results suggest that SPS change management should be encouraged to help teachers understand and prepare for the implementation of SPS in order to increase school management's effectiveness. This is important to ensure that teachers can accept any change that takes place due to changes in policy.

For the SPS usability aspect, the researchers suggest that the systems applied at schools should be given high priority and consideration by policymakers to ensure that the systems' application is effective and beneficial for the schools themselves. This is to ensure that schools run in a more systematic manner in the effort of improving SPS. Hence, all the three variables play a vital role in helping improve SPS' quality towards the advancement of school management.



## PENGHARGAAN

### **“DENGAN NAMA ALLAH YANG MAHA PEMURAH LAGI MAHA PENGASIH”**

Alhamdulillah. Bersyukur ke hadrat Allah s.w.t, di atas limpah kurnia dan izinnya dapat saya menyiapkan tesis ini dengan jayanya. Ribuan terima kasih diucapkan kepada setiap individu yang terlibat secara langsung atau tidak dalam membantu menyiapkan kajian ini.

Setinggi-tinggi penghargaan ditujukan khusus kepada penyelia iaitu Prof. Madya Dr. Habibah Ab. Jalil di atas segala perkongsian ilmu, perbincangan ilmiah dan bimbingan yang telah diberikan sepanjang kajian ini dijalankan. Terima kasih yang tidak terhingga juga diucapkan kepada ahli jawatankuasa penyeliaan iaitu Prof. Madya Dr. Soaib Asimiran dan Prof. Madya Dr Masrah Azrifah Azmi Murad di atas segala sokongan yang diberikan. Tanpa bantuan kalian, kejayaan ini tidak akan tercapai.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia, Universiti Putra Malaysia, semua pensyarah dan kakitangan di Jabatan Asas Pendidikan, Jabatan Timbalan Dekan Pengajian Siswazah, Fakulti Pengajian Pendidikan dan Jabatan Sains Komputer dan Teknologi Maklumat, Fakulti Sains Komputer Dan Teknologi Maklumat yang sentiasa memberi ruang dan masa untuk berbincang serta berkongsi kepakaran masing-masing.

Teristimewa penghargaan ini ditujukan khas buat suami tersayang, Encik Abdul Shafiq Amir Bin Abdul Rahman di atas segala sokongan yang telah diberikan sepanjang saya meneruskan pengajian di sini. Terima kasih kerana menjadi sahabat setia, tempat menjadi pendengar keluh kesah dan bersama-sama berkongsi suka duka membantu saya dalam menimba ilmu tanpa jemu. Tanpa dorongan abang, perjalanan PhD ini tidak akan bermula. Buat anak-anakku tersayang, Awatif Ukasyah, Adwa Ulfah dan Amir Ukail ketawa dan tangis, serta keletah kalian pemacu perjuangan berliku ini. Terima kasih umi ucapkan kerana sentiasa menjadi anak-anak yang memahami dalam perjuangan ini. Dengan Rahmat Mu Ya Allah, setinggi-tinggi kesyukuran kerana dikurniakan suami dan anak-anak yang menjadikan pengalaman sebagai pelajar, isteri dan ibu pada satu masa, pengalaman menarik yang banyak mengubah sempadan kehidupan.

Kejayaan ini adalah berkat doa seluruh ahli keluargaku. Terima kasih juga buat ayahanda dan bonda tercinta Tuan Haji Wan Mahmud Bin Wan Besar dan Allahyarhamah Fatimah Bt Ab Ghani di atas pengorbanan selama ini bagi saya meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Kalian berdua adalah inspirasi dalam hidupku. Terima kasih juga buat seluruh ahli keluarga di atas kesabaran, sokongan dan doa yang sentiasa dipohon agar dipermudahkan segala urusan sepanjang pengajian ini.



Seterusnya, ucapan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan terutamanya semua rakan pembantu penyelidik di Bilik Penyelidikan *Potential Enhancement and Caring Education* (PEaCE), Fakulti Pengajian Pendidikan yang sentiasa menghulurkan bantuan, memberikan kata-kata semangat dan motivasi dalam menyempurnakan kajian ini terutama Siti Nazurana dan Kasma Azizan yang sentiasa menjadi pendengar setia dalam membantu saya meneruskan perjuangan Phd ini.

Sekian, terima kasih.



Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Habibah binti Ab. Jalil, Ph.D**

Profesor Madya  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Soaib bin Asimiran, Ph.D**

Profesor Madya  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

**Masrah Azrifah binti Azmi Murad, Ph.D**

Profesor Madya  
Fakult Sains Komputer dan Teknologi Maklumat  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

---

**ZALILAH MOHD SHARIFF, PhD**

Profesor dan Dekan  
Sekolah PengajianSiswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 09 April 2020

## Perakuan Pelajar Siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hak cipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Tarikh: \_\_\_\_\_

Nama dan No. Matrik: Wan Marfazila Binti Wan Mahmud, GS30740

### Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan : \_\_\_\_\_  
Nama Pengerusi  
Jawatankuasa  
Penyeliaan : Habibah Ab. Jalil

Tandatangan : \_\_\_\_\_  
Nama Ahli  
Jawatankuasa  
Penyelia : Soaib Asimiran

Tandatangan : \_\_\_\_\_  
Nama Ahli  
Jawatankuasa  
Penyelia : Masrah Azrifah Azmi Murad

## JADUAL KANDUNGAN

	Halaman
<b>ABSTRAK</b>	i
<b>ABSTRACT</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	v
<b>PENGESAHAN</b>	vii
<b>PERAKUAN</b>	viii
<b>SENARAI JADUAL</b>	x
<b>SENARAI RAJAH</b>	xviii
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xxii
	xxiii
<b>BAB</b>	
<b>1 PENGENALAN</b>	
1.1 Pengenalan	1
1.1.1 Sistem Pengurusan Sekolah (SPS)	1
1.1.2 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025	2
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.2.1 Keberkesanan Sekolah	5
1.2.2 Kebolehgunaan Sistem Pengurusan Sekolah	6
1.2.3 Penerimaan Sistem Pengurusan Sekolah	7
1.2.4 Pengurusan Perubahan Sistem Pengurusan Sekolah	8
1.3 Pernyataan Masalah	9
1.4 Objektif Kajian	12
1.5 Persoalan Kajian	12
1.6 Hipotesis Kajian	13
1.7 Kepentingan Kajian	13
1.8 Batasan Kajian	15
1.9 Definisi Operasional	16
1.9.1 Kebolehgunaan Sistem Pengurusan Sekolah	16
1.9.2 Penerimaan Sistem Pengurusan Sekolah	17
1.9.3 Pengurusan Perubahan Sistem Pengurusan Sekolah	18
1.9.4 Keberkesanan Sekolah	19
1.10 Kesimpulan	19
<b>2 SOROTAN KAJIAN</b>	
2.1 Pengenalan	20
2.2 Konsep Keberkesanan Sekolah	20
2.3 Konsep Kebolehgunaan Sistem Pengurusan Sekolah	24
2.4 Konsep Penerimaan Sistem Pengurusan Sekolah	31
2.5 Konsep Pengurusan Perubahan Sistem Pengurusan Sekolah	36
2.6 Jantina Sebagai Moderator Kajian	42

2.7	Teori-Teori Kajian	43
2.7.1	Teori Kontigensi (Woodward, 1965)	43
2.7.2	Model Kejayaan Sistem Maklumat DeLone dan McLean (2003)	45
2.7.3	Teori Bersepadu Penerimaan dan penggunaan Teknologi ( <i>Unified Theory Of Acceptance An Technology</i> ) (UTAUT)	46
2.7.4	Model Pengurusan Perubahan ADKAR	49
2.8	Hubungan Kebolehgunaan Sistem Pengurusan Sekolah dengan Keberkesanan Sekolah	50
2.9	Hubungan Penerimaan Sistem Pengurusan Sekolah dengan Keberkesanan Sekolah	55
2.10	Hubungan Pengurusan Perubahan Terhadap Keberkesanan Sekolah	58
2.11	Hubungan Kebolehgunaan Sistem Pengurusan Sekolah, Penerimaan Sistem Pengurusan Sekolah Dan Pengurusan Perubahan Sistem Pengurusan Sekolah dengan Keberkesanan Sekolah	61
2.12	Jantina Guru Sebagai Moderator Dalam Kebolehgunaan SPS, Penerimaan SPS, Pengurusan Perubahan SPS Dengan Keberkesanan Sekolah	65
2.13	Kerangka Teoretikal Kajian	68
2.14	Kerangka Konseptual Kajian	72
2.14.1	Kebolehgunaan SPS	72
2.14.2	Penerimaan SPS	74
2.14.3	Pengurusan perubahan SPS	75
2.14.4	Keberkesanan Sekolah	76
2.15	Kesimpulan	77
<b>3</b>	<b>METODOLOGI</b>	
3.1	Pengenalan	79
3.2	Reka Bentuk Kajian	79
3.3	Populasi Kajian	80
3.4	Lokasi Kajian	81
3.5	Persampelan	82
3.5.1	Sampel Kajian	82
3.5.2	Penetapan Saiz Sampel Kajian	82
3.5.3	Kaedah Persampelan	85
3.6	Instrumen Kajian	88
3.7	Soal Selidik	89
3.7.1	Demografi	89
3.7.2	Kebolehgunaan Sistem Pengurusan Sekolah	90
3.7.3	Penerimaan Sistem Pengurusan Sekolah	91
3.7.4	Pengurusan perubahan Dalam Penggunaan SPS	93
3.7.5	Keberkesanan Sekolah	94
3.8	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen	95
3.8.1	Kesahan Kandungan dan Kesahan Muka	95
3.8.2	Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	97

3.9	Kajian Rintis	97
3.10	Prosedur Pengumpulan Data Kuantitatif	100
3.11	Analisis Data	101
	3.11.1 Pembersihan Data	102
	3.11.2 Analisis Deskriptif	103
	3.11.3 Model Persamaan Berstruktur (SEM)	104
	3.11.4 Analisis Inferensi	104
	3.11.5 Analisis Laluan	105
3.12	Analisis Faktor Pengesahan	106
	3.12.1 Analisis Faktor Pengesahan (CFA)	107
	3.12.2 Kebolehgunaan Sistem Pengurusan Sekolah	108
	3.12.3 Penerimaan Sistem Pengurusan Sekolah	112
	3.12.4 Pengurusan Perubahan Sistem Pengurusan Sekolah	115
	3.12.5 Keberkesanan Sekolah	119
3.13	Analisis Awalan ( <i>Preliminary Analysis</i> )	123
	3.13.1 Menguji Normaliti	123
	3.13.2 Menguji <i>Outliers</i>	123
	3.13.3 Menguji kesahan Diskriminan	124
	3.13.4 Multikolinearan	124
3.14	Penilaian Kesahan Model Pengukuran	125
	3.14.1 Petunjuk Ketepatan Padanan Model	128
	3.14.2 Pengujian Hubungan Moderator Jantina	129
3.15	Rumusan	132
<b>4</b>	<b>DAPATAN KAJIAN</b>	
4.1	Pengenalan	133
4.2	Ciri Demografi Responden	133
	4.2.1 Jantina Responden	133
	4.2.2 Umur Responden	133
	4.2.3 Pengalaman Mengajar	134
	4.2.4 Taraf Pendidikan Responden	134
4.3	Tahap Keberkesanan Sekolah	135
4.4	Tahap Kebolehgunaan SPS (kualiti sistem SPS, kualiti maklumat SPS, kualiti perkhidmatan, kegunaan SPS dan kepuasan SPS) dalam kalangan guru	139
4.5	Tahap Penerimaan SPS (jangkaan prestasi guru, jangkaan usaha guru, pengaruh sosial guru, dan keadaan kemudahan) dalam kalangan guru.	147
4.6	Tahap Pengurusan Perubahan SPS (kesedaran, keinginan, pengetahuan, keupayaan dan pengukuhan) dalam kalangan guru.	152
4.7	Pemodelan Persamaan Struktur	160
4.8	Pengujian Hipotesis	160
	4.8.1 Analisis Hubungan Langsung Model Pengaruh Kebolehgunaan, Penerimaan dan Pengurusan Perubahan Penggunaan Sistem Pengurusan	160



	Sekolah (SPS) terhadap Keberkesanan Sekolah	
4.8.2	Analisis Jantina Guru berperanan sebagai Moderator bagi Hubungan Kebolegunaan SPS, Penerimaan SPS, Pengurusan Perubahan SPS dengan Keberkesanan Sekolah	161
4.8.3	Analisis Kesepadanan Model Kebolegunaan SPS, Penerimaan SPS dan Pengurusan perubahan SPS terhadap Keberkesanan Sekolah	164
4.9	Perbincangan	168
4.9.1	Analisis Deskriptif	168
	4.9.1.1 Keberkesanan Sekolah	168
	4.9.1.2 Kebolegunaan Sistem Pengurusan Sekolah	169
	4.9.1.3 Penerimaan Sistem Pengurusan Sekolah	170
	4.9.1.4 Pengurusan Perubahan Sistem Pengurusan Sekolah	171
4.9.2	Analisis Hipotesis	172
	4.9.2.1 Kebolegunaan Sistem Pengurusan Sekolah dengan Keberkesanan Sekolah	172
	4.9.2.2 Penerimaan Sistem Pengurusan Sekolah dengan Keberkesanan Sekolah	174
	4.9.2.3 Pengurusan Perubahan Sistem Pengurusan Sekolah dengan Keberkesanan Sekolah	175
	4.9.2.4 Jantina Guru berperanan sebagai Moderator bagi Hubungan Kebolegunaan SPS, Penerimaan SPS, Pengurusan Perubahan SPS dengan Keberkesanan Sekolah	176
4.10	Rumusan	177

## **5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN**

5.1	Pengenalan	179
5.2	Rumusan	179
5.3	Kesimpulan	179
5.4	Cadangan	180
5.5	Implikasi Kajian	185
5.5.1	Implikasi Kajian Kepada Teori	185
	5.5.1.1 Sumbangan Kepada Teori Kebolegunaan SPS	186
	5.5.1.2 Sumbangan Kepada Teori Penerimaan SPS	186

5.5.1.3	Sumbangan Kepada Teori Pengurusan Perubahan SPS	187
5.5.1.4	Sumbangan Terhadap Teori Keberkesanan Sekolah	188
5.6	Implikasi Praktis	189
5.7	Cadangan Kajian Lanjutan	190
5.8	Kesimpulan	191
<b>BIBLIOGRAFI</b>		193
<b>LAMPIRAN</b>		225
<b>BIODATA PELAJAR</b>		267
<b>SENARAI PENERBITAN</b>		268



## SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
3.1	Populasi Guru	81
3.2	Saiz Sampel Mengikut Formula	84
3.3	Peratusan Guru dan Sampel Mengikut Setiap Daerah	86
3.4	Instrumen kajian berdasarkan set soal selidik	88
3.5	Skala Instrumen Soal Selidik kajian Berdasarkan Aras	89
3.6	Jumlah Item dalam Konstruk Kebolehgunaan SPS	91
3.7	Jumlah Item dalam Konstruk Penerimaan SPS	92
3.8	Jumlah Item dalam Konstruk Pengurusan perubahan SPS	94
3.9	Jumlah Item dalam Konstruk Keberkesanan Sekolah	95
3.10	Nilai Cronbach's Alpha yang dicadangkan	98
3.11	Nilai Kebolehpercayaan Cronbach's Alpha Kebolehgunaan SPS	98
3.12	Nilai Kebolehpercayaan Cronbach's Alpha Penerimaan SPS	99
3.13	Nilai Kebolehpercayaan Cronbach's Alpha Pengurusan Perubahan SPS	99
3.14	Nilai Kebolehpercayaan Cronbach's Alpha Keberkesanan Sekolah	100
3.15	Interpretasi skor min	103
3.16	Kesahan Setiap Item Kebolehgunaan Sistem Pengurusan Sekolah	109
3.17	Kesahan dan Kebolehpercayaan Konstruk Kebolehgunaan Sistem Pengurusan Sekolah	112
3.18	Kesahan Setiap Item Penerimaan Sistem Pengurusan Sekolah	112

3.19	Kesahan dan Kebolehpercayaan Konstruk Penerimaan Sistem Pengurusan Sekolah	115
3.20	Kesahan Setiap Item Pengurusan Perubahan Sistem Pengurusan Sekolah	115
3.21	Kesahan dan Kebolehpercayaan Konstruk Pengurusan Perubahan SPS	119
3.22	Kesahan Setiap Item Keberkesanan Sekolah	120
3.23	Kesahan dan kebolehpercayaan Konstruk Keberkesanan Sekolah	123
3.24	Kesahan Diskriminan Konstruk	124
3.25	Statistik Collinearity	125
3.26	Dapatan nilai model pengukuran kebolehgunaan, penerimaan dan pengurusan perubahan dalam penggunaan SPS terhadap keberkesanan sekolah	126
3.27	Persoalan dan Hipotesis Kajian	130
4. 1	Taburan responden guru mengikut jantina	133
4. 2	Taburan responden guru mengikut umur	134
4. 3	Taburan responden guru mengikut pengalaman mengajar	134
4. 4	Taburan responden guru mengikut taraf pendidikan	135
4. 5	Tahap keberkesanan sekolah dalam penggunaan SPS di sekolah di kalangan guru	135
4.6	Tahap Kebolehgunaan SPS (kualiti sistem SPS, kualiti maklumat SPS, kualiti perkhidmatan, kegunaan SPS dan kepuasan SPS) dalam kalangan guru	139
4.7	Tahap kualiti sistem SPS dalam kalangan guru	140
4.8	Tahap kualiti maklumat SPS dalam kalangan guru	142
4.9	Tahap kualiti perkhidmatan dalam kalangan guru	143
4.10	Tahap kegunaan SPS dalam kalangan guru	145
4.11	Tahap kepuasan SPS dalam kalangan guru	146

4.12	Tahap penerimaan SPS (jangkaan prestasi guru, jangkaan usaha guru, pengaruh sosial guru, dan keadaan kemudahan) dalam kalangan guru	147
4.13	Tahap jangkaan prestasi penggunaan SPS di sekolah dalam kalangan guru	147
4.14	Tahap jangkaan usaha penggunaan SPS di sekolah dalam kalangan guru	148
4.15	Tahap pengaruh sosial penggunaan SPS di sekolah dalam kalangan guru	150
4.16	Tahap keadaan kemudahan penggunaan SPS di sekolah dalam kalangan guru	151
4.17	Tahap pengurusan perubahan SPS (kesedaran, keinginan, pengetahuan, keupayaan dan pengukuhan) dalam kalangan guru	152
4.18	Tahap kesedaran dalam penggunaan SPS di sekolah di kalangan guru	153
4.19	Tahap keinginan dalam penggunaan SPS di sekolah di kalangan guru	154
4.20	Tahap pengetahuan dalam penggunaan SPS di sekolah di kalangan guru	155
4.21	Tahap keupayaan dalam penggunaan SPS di sekolah di kalangan guru	157
4.22	Tahap pengukuhan dalam penggunaan SPS di sekolah di kalangan guru	159
4.23	Keputusan pengujian hipotesis bagi analisis hubungan langsung	161
4.24	Ujian pengukuran invarian	162
4.25	Andaian model Unconstrained	163
4.26	Keputusan ujian struktur invarian bagi laluan hipotesis	164
4.27	Regression Weights: (Male - Unconstrained)	164
4.28	Regression Weights: (Female - Unconstrained)	164

4.29	Dapatan nilai kesepadanan bagi model kebolegunaan, penerimaan dan pengurusan perubahan dalam penggunaan SPS terhadap keberkesanan sekolah	165
4.30	Ringkasan pengujian hipotesis	177



## SENARAI RAJAH

<b>Rajah</b>		<b>Halaman</b>
2.1	Penerimaan Teknologi Baru	32
2.2	Kerangka Teoritikal Kajian	72
2.3	Kerangka Konseptual Kajian	77
3.1	Pengiraan sampel saiz berdasarkan Cochran (1977)	84
3.2	Proses Persampelan	87
3.3	Model Pengukuran Analisis Akhir Kebolehgunaan SPS, Penerimaan SPS, Pengurusan perubahan SPS terhadap Keberkesanan Organisasi	127
4.1	Model Output Pengaruh Kebolehgunaan SPS, Penerimaan SPS, Pengurusan Perubahan SPS Terhadap Keberkesanan Organisasi	167



## SENARAI SINGKATAN

$x^2$	Chi-Square
AGFI	Adjusted Goodness of Fit Index
AMOS	Analysis of Moment Structure
APDM	Aplikasi Pangkalan Data Murid
AR	<i>Actual Result</i>
CFI	Comparative Fit Index
d	Acceptable margin of error for mean
DDSA	<i>Data Dictionary Sektor Awam</i>
EMIS	<i>Education Management Information School</i>
EPRD	Educational Planning and Research Development
ETR	<i>Expected Target Result</i>
GDM	Guru Data dan Maklumat
GFI	Goodness of Fit Index
ISIS	<i>Integrated Student Information System</i>
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
JPN	Jabatan Pendaftaran Negara
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
$n_0$	Size of sample
NFI	Normed Fit Index
PBS	Pentaksiran Berasaskan Sekolah
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
RMSEA	Root Mean Square Error of Approximation
s	Estimate of standard deviation
SAPS	Sistem Aplikasi Peperiksaan Sekolah

SEM	Structural Equation Modeling
SMM	Sistem Maklumat Murid
SPPBS	Sistem Pengurusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah
SPS	Sistem Pengurusan Sekolah
SPSS	Statistical Packages for Social Sciences
SSDM.	Sistem Salahlaku Disiplin Murid
t	Value for selected alpha level
TLI	Tucker-Lewis Index
TOV	<i>Take of Value</i>
UTAUT	<i>Unified Theory of Acceptance and Use of Technology</i>

## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.1 Pengenalan

Dunia pendidikan di sekolah bukan hanya khusus kepada pengajaran dan pembelajaran sahaja tetapi ianya juga melibatkan perkara lain dan salah satu perkara yang dititikberatkan adalah pengurusan organisasi di sekolah (Nur Faridatul, Husaina dan Muhammad Faizal, 2018). Keberkesanan pengurusan sekolah adalah penting bagi menjadikan perjalanan dalam urusan dan proses pembangunan kecemerlangan sekolah dapat dilakukan dengan lebih berkesan dan sistematik (Abdul Said dan Norin Farizah, 2017). Tanpa pengurusan yang cekap dan berkesan, proses operasi dalam sesebuah organisasi tidak dapat berjalan dengan baik (Wei dan Jamilah, 2017). Dalam tempoh beberapa tahun ini, terdapat perubahan demi perubahan telah berlaku dalam sistem pendidikan Malaysia yang dilakukan bagi meningkatkan lagi pembangunan pendidikan di Malaysia. Perubahan tersebut adalah terdiri daripada pengajaran dan pembelajaran (pdp) dan juga sistem pentadbiran sekolah (Baharom, Roslee, Muhammad, Abdul Said, Shukri dan Mohd Yusof, 2013). Oleh yang demikian, dalam era teknologi maklumat kini, kebolegunaan, penerimaan dan pengurusan perubahan berasaskan teknologi maklumat di sekolah adalah merupakan perkara penting dalam meningkatkan keberkesanan sekolah. Justeru itu, satu transformasi telah dilaksanakan oleh pihak kementerian dengan menyediakan satu sistem pengurusan sekolah (SPS) untuk digunakan dalam organisasi sekolah (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, (KPM, 2013)).

##### 1.1.1 Sistem Pengurusan Sekolah (SPS)

Sistem Pengurusan Sekolah (SPS) merupakan satu komponen dalam Penyelesaian Bersepadu Projek Rintis Sekolah Bestari (Garis Panduan Sistem maklumat pengurusan, 2014). Mengikut pendidikan Pelan Tindakan 2013-2025 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013), SPS adalah salah satu inisiatif komponen dalam pendidikan integrasi data yang diuruskan oleh Unit Penyampaian Prestasi Kementerian Pelajaran Malaysia. Sistem ini diperkenalkan bagi menggantikan semua sistem- sistem aplikasi sebelum ini iaitu Sistem Pengurusan Sekolah (SPS) (Abdul Said dan Norin Farizah, 2017). Sistem ini mula dilaksanakan di semua sekolah mulai 1 Januari 2015 menerusi Surat Perkeliling oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, 2015). Objektif SPS ialah mewujudkan data maklumat utama di sekolah. Aplikasi Sistem Pengurusan Sekolah (SPS) adalah menyediakan data tunggal bagi sekolah, guru dan murid di seluruh negara. Objektif utama pelaksanaan SPS ini adalah untuk menyediakan satu pangkalan data induk / tunggal yang merupakan data utama di sekolah dan ianya bertujuan

untuk memastikan semua pengguna terutama KPM hanya perlu berintegrasi dengan pangkalan data ini untuk memperoleh sesuatu maklumat.

Sistem Pengurusan Sekolah (SPS) adalah dibangunkan dari modul pengurusan di sekolah-sekolah PINTAR. Seterusnya, Sistem pengurusan sekolah telah mula diimplementasikan di 88 buah sekolah bestari di Malaysia pada tahun 2009, dan kemudian pengembangan SPS melibatkan 10,000 sekolah seluruh Malaysia untuk mengurangkan beban guru dalam menguruskan sekolah dan melaksanakan pendidikan integrasi Data bagi KPM. Ianya adalah sebagai satu sistem tunggal / induk yang menjadi penyelesaian kepada kepelbagaian aplikasi di sekolah dalam menangani isu beban tugas guru dan juga secara umumnya dibangunkan bagi membantu memudahkan pengurusan akademik dan hal ehwal pelajar (Garis Panduan Sistem maklumat pengurusan, 2014). Sistem ini mempunyai tiga modul utama iaitu Pengurusan Sekolah, Pengurusan Guru dan Pengurusan Murid. Antara modul pengurusan murid adalah seperti kedatangan murid, pengurusan disiplin dan peperiksaan (Garis Panduan Sistem maklumat pengurusan, 2014). Servis atas talian ini bukan sahaja dapat memudahkan dan menjimatkan masa, malah dapat mengurangkan kos di mana urusan boleh dibuat tanpa perlu pergi ke sekolah. Sehubungan dengan itu, didapati SPS yang dilaksanakan di semua sekolah Malaysia adalah sebagai langkah kementerian dalam menggunakan pengurusan berasaskan internet bagi menggantikan pengurusan secara tradisional sepenuhnya. Sistem pengurusan sekolah ini juga adalah untuk menjadikan pengurusan dan pentadbiran sekolah lebih sistematik tanpa perlu melibatkan banyak pihak untuk menyampaikan sesuatu maklumat penting di sekolah (Azlinah et al., 2009). Berdasarkan penggunaan SPS yang dilaksanakan di sekolah ini, ianya adalah selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 yang mana antara matlamat yang ditekankan adalah untuk memperkasakan teknologi maklumat dan ICT di sekolah.

### **1.1.2 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025**

Pelaksanaan Sistem Pengurusan Sekolah adalah salah satu pelaksanaan yang dilakukan oleh Kementerian yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Berdasarkan kepada Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, ianya adalah merupakan kerangka pembangunan pendidikan di Malaysia secara menyeluruh dalam melaksanakan transformasi sistem pendidikan yang berkualiti, pantas serta mapan sehingga tahun 2025 (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, 2013-2025). Berdasarkan kepada Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 yang telah digariskan, antara matlamat yang ingin dicapai adalah dengan memperkasakan dan meningkatkan keberkesanan teknologi maklumat dan komunikasi dalam bidang pendidikan bagi meningkatkan lagi prestasi dan pembangunan bidang pendidikan di Malaysia. Bidang teknologi maklumat ini juga adalah merupakan antara perkara utama yang menjadi perhatian kepada negara dalam usaha untuk ke arah mencapai negara yang maju dan berwawasan tinggi pada tahun 2020 seterusnya setanding dengan negara luar

(Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025). Kementerian Pendidikan Malaysia telah menyedari bahawa pendidikan negara perlu melakukan satu anjakan paradigma dan transformasi yang menyeluruh dalam bidang teknologi maklumat sekiranya berhasrat untuk menjadi negara berwawasan, berinovatif dan berdaya saing di peringkat antarabangsa. Pelan Tindakan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013), telah menyatakan matlamat bahawa kualiti dan keberkesanan pihak pengurusan pendidikan perlu dipertingkatkan bagi meningkatkan pembangunan sekolah. Sehubungan itu, untuk mencapai ke arah matlamat ini, Sistem Pengurusan Sekolah (SPS) telah dilaksanakan di semua sekolah bagi membantu pentadbir dan guru-guru mengurus maklumat dan mensentralisasi tugas-tugas pentadbiran (Garis Panduan Sistem maklumat pengurusan, 2014).

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Pengurusan dan pentadbiran sesebuah organisasi pada masa kini banyak menggunakan sistem maklumat pengurusan bagi meningkatkan lagi kecekapan organisasi mereka. Sistem maklumat pengurusan adalah salah satu inisiatif komponen dalam pendidikan integrasi data bagi meningkatkan keberkesanan sekolah. Sistem pengintegrasian data membolehkan ramai pengguna mengakses dan berkongsi sesuatu maklumat secara bersama dalam sesuatu masa (Mohd Nizam, Rosmaizura, Suriani dan Zulkifli, 2010). Dalam kemajuan teknologi terkini, sistem maklumat pengurusan memainkan peranan penting bagi memastikan bahawa sesebuah organisasi dapat membangun dengan berkesan dan lebih mempunyai daya saing (Yaser, Alina dan Nor Aziati, 2014). Menurut Abdelrahim (2016) turut berpendapat bahawa sistem maklumat berasaskan komputer adalah penting dan cepat berkembang dalam inovasi teknologi di abad ini bagi pentadbiran sesebuah organisasi.

Terdapat banyak pengurusan perubahan sekolah yang kini berlaku dalam era pendigitalan, di mana data adalah merupakan salah satu sumber terpenting bagi sesebuah organisasi. Ianya dikatakan penting kerana pengurusan terdahulu dilakukan secara manual bagi mengumpul, memproses dan menyimpan maklumat. Pada masa kini, kebanyakan organisasi dan juga sekolah menyimpan maklumat yang terlalu banyak menyebabkan sistem secara manual ini dirasakan tidak lagi praktikal untuk dilaksanakan. Oleh itu didapati revolusi teknologi serta sistem maklumat menjadi sangat penting dalam semua bidang terutama dalam pengurusan (Yaser, Alina dan Nor Aziati, 2015). Selain itu, didapati bahawa teknologi maklumat telah memberikan kemudahan dan manfaat bagi seseorang individu dalam melakukan pemprosesan data (Kadek dan Gusti, 2014).

Namun begitu, berdasarkan perubahan demi perubahan yang dilakukan oleh pihak pemegang taruh dalam mengaplikasikan sistem di sekolah, pelbagai perkara perlu dilihat dan diambil kira bagi memastikan sistem yang dibangunkan dapat diterima oleh pentadbir serta guru. Menurut Stuart, Mills dan Remus (2009) telah mengatakan bahawa kelemahan implementasi sistem maklumat, seperti



kekurangan integrasi teknologi di sekolah adalah sebahagian faktor yang menyumbang kepada kompetensi sistem maklumat yang rendah. Menurut Nadkarni dan Gupta (2007), pandangan dan pendapat pengguna dalam menerima sesuatu sistem yang baru adalah penting dan perlu diberi perhatian kerana ianya adalah merupakan salah satu penentu kejayaan bagi sesebuah sistem yang dilaksanakan.

Selain itu juga, faktor demografi jantina dilihat dalam kajian ini bagi perbezaan antara lelaki dan perempuan terhadap keberkesanan sekolah dalam penggunaan SPS. Faktor jantina dilihat dalam kajian ini adalah untuk melihat sama ada ianya mempunyai kesan moderasi atau tidak dan juga untuk melihat sama ada mempunyai perbezaan antara guru lelaki dan guru perempuan dalam penggunaan SPS. Kajian oleh Christensen, Knezek dan Overall (2005) dan Li dan Kirkup (2007) menunjukkan terdapat perbezaan antara jantina di mana didapati lelaki lebih cekap, berkeyakinan dan mempunyai sikap yang positif terhadap penggunaan teknologi berbanding perempuan. Selain itu, kajian yang dilakukan (Venkatesh, Morris, dan Davis, 2003) turut menyatakan bahawa terdapat perbezaan antara jantina dalam penggunaan sistem maklumat di mana didapati bahawa perempuan lebih cenderung dalam penerimaan sistem maklumat berbanding lelaki dan pelajar perempuan cenderung meletakkan penekanan yang lebih mudah untuk penggunaan sistem ini apabila membuat keputusan sama ada atau tidak untuk menerima pakai sistem.

Namun begitu, Wang Y, Wu dan Wang H (2009) mendapati tiada perbezaan jantina antara lelaki dan perempuan terhadap penggunaan teknologi. Kajian mereka mendedahkan bahawa kedua-dua jantina menggunakan teknologi sama rata pada tahap yang sederhana. Berdasarkan kepada dapatan kajian lepas yang diperolehi, didapati perbezaan jantina adalah turut memainkan peranan yang penting dalam penggunaan teknologi. Faktor jantina ini dilihat dalam kajian ini adalah untuk menentukan adakah terdapat perbezaan antara jantina bagi pengaruh kebolegunaan SPS, penerimaan SPS dan pengurusan perubahan SPS terhadap keberkesanan sekolah. Ini adalah kerana terdapat dapatan yang menunjukkan terdapat perbezaan jantina dan terdapat kajian yang menunjukkan tiada perbezaan antara jantina. Oleh itu, kajian ini adalah untuk mengesahkan sama ada kajian yang dilakukan ini terdapat perbezaan antara jantina atau pun tidak. Implikasi yang boleh dilihat dalam kajian ini adalah boleh menjadi rujukan awal kepada kajian seterusnya di mana perbandingan boleh dilakukan untuk menentukan sama ada faktor jantina memainkan peranan atau tidak dalam sesebuah kajian berkaitan dengan sistem pengurusan maklumat. Oleh itu, berdasarkan kajian yang dilakukan ini, ianya untuk memastikan sama ada terdapat perbezaan atau tidak dalam penggunaan SPS di sekolah terhadap keberkesanan sekolah.

### 1.2.1 Keberkesanan Sekolah

Keberkesanan dalam sesebuah organisasi adalah bergantung kepada banyak faktor dan perkara (Woodward, 1965). Terdapat tiga faktor yang mempengaruhi dalam keberkesanan dalam organisasi iaitu persekitaran terhadap integrasi organisasi (Lawrence dan Lorsch, 1969), persekitaran pada organisasi struktur (Burns dan Stalker, 1961) dan teknologi pada struktur organisasi (Woodward, 1965). Salah satu faktor yang dilihat memainkan peranan penting pada masa kini dalam keberkesanan sekolah adalah sistem pengurusan maklumat (Madiha, 2013). Menurut (Condie, Seagraves dan Kenesson, 2007) jumlah pelaburan yang telah digunakan bagi penggunaan sistem maklumat pengurusan dan teknologi komunikasi (ICT) ke sekolah termasuk perkakasan, perisian, rangkaian, dan pembangunan bengkel serta kursus kepada kakitangan dianggap sebagai berbaloi jika terdapat bukti bahawa ia telah memberikan impak yang sepadan dengan prestasi sekolah dan keberkesanan sekolah (Condie et al., 2007).

Keberkesanan ialah berkaitan dengan pencapaian dalam sesuatu perkara iaitu tentang output pengeluaran organisasi seperti peningkatan jualan, kualiti produk / sistem yang terdapat dalam organisasi, pertambahan daripada segi pembuatan produk, pembangunan inovasi dalam organisasi dan dapat mengurangkan kos dalam inventori organisasi (Ilona dan Evelina, 2013). Selain itu, ianya adalah untuk mengukur sejauh mana sesebuah organisasi / institusi mencapai sesuatu matlamat atau bagaimana output yang dapat dihasilkan melalui interaksi dengan persekitaran, ekonomi, sosial dan sistem. Keberkesanan lazimnya adalah untuk menentukan sama ada objektif atau matlamat ingin dicapai dalam organisasi dapat dilakukan dan dilaksanakan dengan berkesan (Wei, Baiyin dan Gary, 2010).

Seterusnya, menurut Heilman dan Kennedy (2011) mengatakan bahawa keberkesanan organisasi adalah untuk menilai kemajuan ke arah pencapaian misi dan matlamat pencapaian. Oleh itu, untuk meningkatkan lagi keberkesanan organisasi, sesebuah pengurusan harus berusaha untuk melakukan komunikasi, interaksi, kepimpinan, hala tuju, keupayaan menyesuaikan diri serta organisasi dalam perubahan dan inovasi yang baru serta persekitaran yang positif. Menurut Fu (2006); Muthiah dan Huang (2007) keberkesanan adalah merangkumi produktiviti, kualiti produk/sistem, peningkatan keselamatan, meningkatkan tanggungjawab sosial dan moral, penyelenggaraan yang mudah dalam sistem, kemampuan dalam pembaikan sesuatu perkara yang berlaku dalam organisasi dan peningkatan dalam sokongan kakitangan. Keberkesanan organisasi juga adalah untuk melihat sejauh mana produktif keseluruhan sistem yang digunakan dalam menggerakkan urusan pentadbiran organisasi (Micheal, 1996).

Kajian ini melihat kebolegunaan SPS, penerimaan SPS dan pengurusan perubahan SPS terhadap keberkesanan sekolah. Kajian ini melihat perspektif guru dalam keberkesanan penggunaan SPS di sekolah. Penyelidikan penilaian



membolehkan kerajaan untuk menentukan sama ada SPS mampu memberikan keberkesanan yang baik kepada sekolah dalam melakukan pentadbiran dan memudahkan guru-guru dalam melaksanakan tugas seperti yang diharapkan. Kajian ini memberi tumpuan kepada penilaian kejayaan SPS dari perspektif guru di sekolah menengah di Semenanjung Malaysia.

### **1.2.2 Kebolegunaan Sistem Pengurusan Sekolah**

Kebolegunaan adalah merujuk kepada suatu produk yang berfungsi dihasilkan bagi memudahkan dan memberi manfaat kepada pengguna (DeLone dan McLean, 2004). Menurut A. Farid (2016), antara kebolegunaan yang dilihat dalam sesebuah sistem pengurusan maklumat seperti kelajuan, kejelasan, intuitif navigasi, kemudahan penggunaan, kebolehbacaan dan keperibadian. Menurut A. Farid (2016), kepentingan kebolegunaan sistem tidak hanya untuk pembangun perisian, tetapi juga untuk ketua organisasi dan kakitangan organisasi. Ini adalah penting untuk mengukur keupayaan sistem untuk mencapai tugas yang diberikan. Bersesuaian dengan kajian ini, tujuan SPS adalah menyediakan perkhidmatan dan maklumat terkini untuk pengguna termasuk guru dan pentadbir.

Menurut Alemayehu dan Paul S (2001) kebolegunaan sistem memberi banyak manfaat kepada organisasi di mana berkesan dalam menyampaikan maklumat mengenai produk dan perkhidmatan mereka, operasi mereka, sejarah, visi, struktur, dasar dan peluang pekerjaan kepada warga organisasi. Sistem pengurusan yang digunakan adalah penting untuk merevolusikan cara organisasi menyediakan maklumat tersebut (Alemayehu dan Paul S, 2001). Berdasarkan kebolegunaan sistem yang berkesan ianya boleh menentukan maklumat apa yang diperlukan dan digunakan mengikut tugas yang dilakukan. Sistem maklumat pengurusan adalah satu perkara yang penting dalam bidang pentadbiran kerja yang bertujuan untuk menyediakan maklumat yang boleh dipercayai, tepat, relevan dan lengkap ke arah meningkatkan pencapaian prestasi dalam sesebuah organisasi (Yaser, Alina dan Nor Aziati, 2014).

Menurut Nath dan Badgajar (2013), kebolegunaan sistem pengurusan maklumat menyediakan beberapa faedah kepada pihak organisasi seperti: cara yang berkesan dan penyelarasan yang cekap antara jabatan yang berbeza di semua peringkat dalam organisasi; kemudahan untuk mengakses data dan dokumen yang diperlukan; dan mengurangkan tenaga kerja manusia. Tambahnya lagi, terdapat pelbagai manfaat dalam keberkesanan menggunakan pengurusan sistem maklumat, antaranya adalah seperti: mencari maklumat dengan mudah; dapat melakukan penilaian terhadap aktiviti sesebuah organisasi; dapat menilai keputusan dengan telus dan cekap; dapat mewujudkan keadaan yang berkesan untuk melakukan pemprosesan maklumat yang sesuai bagi membuat keputusan yang tepat pada masanya dan dapat membantu meramalkan masa depan organisasi (Nath et. al, 2013). Berdasarkan kajian ini, pendekatan kebolegunaan sistem adalah dilihat daripada Model Kejayaan

DeLone dan McLean (2003) iaitu kualiti sistem, kualiti maklumat, kualiti perkhidmatan, penggunaan sistem dan kepuasan sistem.

### 1.2.3 Penerimaan Sistem Pengurusan Sekolah

Penerimaan sistem maklumat adalah merupakan kerelaan pengguna dalam menggunakan sesuatu sistem atau teknologi yang baru diperkenalkan. Selain itu, menurut Ausserer dan Risser (2005), penerimaan adalah sebagai satu keadaan yang menggambarkan sejauh mana potensi pengguna dalam bersedia untuk menggunakan sesuatu sistem yang baru. Menurut Regan dan O'Connor, (2001) kebolehterimaan adalah perkara penting bagi semua pengguna bagi memastikan penggunaan sistem dapat dilaksanakan secara berkesan. Penerimaan sesuatu teknologi atau sistem memainkan peranan yang penting bagi memastikan ianya boleh digunakan dengan baik dan berkesan. Menurut Teo dan Timothy (2011) menyatakan bahawa penerimaan teknologi adalah merupakan kerelaan pengguna untuk menggunakan dan menerima teknologi dalam melaksanakan tugas yang telah diberikan.

Kekurangan penerimaan pengguna adalah penghalang yang penting kepada kejayaan sesuatu sistem maklumat yang baru digunakan (Teo dan Timothy, 2011). Kenyataan ini disokong oleh Sebayang (2009), di mana persepsi pengguna yang berbeza dalam penerimaan sesuatu sistem menjadi kayu pengukur dalam menilai kejayaan sistem tersebut sama ada diterima atau sebaliknya. Antara perkara yang menyebabkan pengguna tidak ingin menggunakan sesuatu sistem maklumat yang baru adalah disebabkan sekiranya menggunakan sistem tersebut mengakibatkan prestasi kerja mereka menurun. Oleh itu, penerimaan pengguna telah dilihat sebagai satu faktor penting dalam menentukan kejayaan atau kegagalan mana-mana penggunaan sistem maklumat (Davis dan Warshaw, 1992). Di sekolah, penerimaan SPS dalam kalangan guru adalah perkara yang dilihat dalam kajian ini. Ianya untuk melihat sejauh mana penerimaan guru-guru terhadap pelaksanaan SPS yang dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang seterusnya membawa kepada keberkesanan sekolah.

Oleh itu, penerimaan pengguna dalam penggunaan sistem maklumat pengurusan pengguna adalah sangat penting dalam sesebuah organisasi. Penggunaan sistem maklumat pengurusan yang diimplementasi secara mendadak tanpa penerangan yang baik akan menimbulkan masalah kepada guru dan dikhuatiri mengganggu kualiti pdp di sekolah. Selain itu, faktor kekurangan kemudahan yang disediakan di sekolah juga adalah faktor yang menyebabkan penggunaan sistem maklumat pengurusan di sekolah masih lagi di tahap yang rendah. Kenyataan ini di sokong berdasarkan rumusan dapatan beberapa kajian yang dijalankan oleh Termit dan Kalaivani (2012) merujuk kepada kekurangan kemudahan.

Bagi kajian ini, faktor penerimaan guru dalam SPS di sekolah dilihat daripada sudut sejauh mana SPS memberi kepuasan kepada produktiviti dan prestasi guru dalam melakukan tugas mereka di sekolah. Manakala dalam faktor sistem, ianya adalah untuk melihat sejauh mana SPS yang digunakan di sekolah memberi kemudahan kepada guru dalam menggunakannya. Kajian ini menggunakan Teori Bersepadu Penerimaan dan Penggunaan Teknologi, *Unified Theory of Acceptance and Use of Technology* (UTAUT) telah dibina oleh Venkatesh, Morris, Davis (2003) untuk melihat penerimaan SPS di sekolah. Terdapat empat konstruk yang dilihat iaitu jangkaan prestasi, jangkaan usaha, pengaruh sosial dan keadaan kemudahan.

#### **1.2.4 Pengurusan Perubahan Sistem Pengurusan Sekolah**

Pengurusan perubahan dianggap sebagai pendekatan berstruktur bagi memastikan perubahan itu dilaksanakan secara lancar dan berkekalan supaya manfaat perubahan dicapai (Hiatt, 2003; Prosci, 2003). Organisasi pada masa kini melaksanakan perubahan pada hari ke hari. Pengurusan perubahan ditakrifkan adalah mengenai perubahan aktiviti-aktiviti yang berlaku dalam organisasi (Marylu, Michael dan Benay, 2002). Menurut Charu (2018), pengurusan perubahan adalah aktiviti berterusan yang telah menghasilkan keperluan untuk organisasi untuk membangunkan strategi pengurusan perubahan yang berkesan. Pembentukan strategi semata-mata tidak mampu menghasilkan keputusan yang lebih baik, tetapi bagaimana strategi ini dilaksanakan juga penting (Charu, 2018).

Menurut Yaser, Alina dan Nor Aziati (2014), pengurusan perubahan yang berlaku di sekolah pada masa kini banyak dipengaruhi oleh pengurusan sistem maklumat di mana ianya merupakan salah satu alat terpenting dalam mana-mana organisasi yang bertujuan untuk menyediakan maklumat yang boleh dipercayai, lengkap dan boleh diakses dengan mudah dan menepati keperluan kepada pengguna sistem serta meningkatkan keberkesanan sekolah. Tujuan perubahan yang dilakukan di sekolah dalam menggunakan sistem maklumat pengurusan berasaskan komputer adalah untuk membantu meningkatkan tahap keberkesanan pengurusan sekolah (Razana dan Mohamad Ibrahim, 2016). Selain itu, didapati kebanyakan aktiviti pengurusan dan pentadbiran di sekolah menggunakan sistem maklumat pengurusan yang bertujuan untuk menyediakan maklumat yang boleh dipercayai, tepat, relevan dan maklumat yang lengkap ke arah mempertingkatkan prestasi organisasi.

Namun pengurusan perubahan yang kadang kala terlalu mendadak dan terlalu cepat bertukar daripada satu sistem kepada sistem yang lain menyebabkan persediaan guru-guru untuk menerima perubahan tersebut memerlukan masa serta pengetahuan. Perubahan yang berlaku kadang kala menyebabkan guru-guru terpaksa mengambil masa untuk mengadaptasikan nya dalam tugas mereka di sekolah. Selain itu, penggunaan sistem maklumat pengurusan adalah salah satu platform yang sesuai digunakan bagi menguruskan data dan

maklumat yang banyak di mana ianya dapat dilakukan dengan lebih cepat berbanding menggunakan secara manual.

Justeru itu, didapati dengan menggunakan sistem maklumat pengurusan secara berkomputer ini dapat menyimpan maklumat serta data dengan selamat dan berkesan seterusnya dapat memudahkan kerja-kerja penyelenggaraan dan pengemaskinian. Ianya turut disokong oleh Ermie dan Aslina (2013) yang mengatakan bahawa sistem maklumat pengurusan mampu memprcepatkan pengurusan organisasi, dapat melindungi keselamatan maklumat serta memudahkan maklumat untuk diakses. Antara pengurusan perubahan yang akan berlaku di sekolah dalam melibatkan sistem pengurusan sekolah adalah seperti adalah untuk mewujudkan data berpusat di mana data tersebut boleh dicapai oleh pelbagai pihak iaitu pentadbir, guru, ibu bapa, pelajar dan KPM (Haslina et.al, 2014).

Sistem Pengurusan Sekolah (SPS) akan membawa satu perubahan besar kepada pihak pengurusan sekolah. Kajian ini adalah untuk melihat pengurusan perubahan SPS yang digunakan di sekolah. Perubahan yang dilihat dalam kajian ini adalah sejauh mana guru-guru menghadapi perubahan daripada aspek kesedaran, keinginan, pengetahuan, keupayaan dan pengukuhan dalam penggunaan SPS di sekolah. Kajian ini adalah untuk melihat salah satu pengurusan perubahan yang berlaku di sekolah iaitu daripada segi teknologi iaitu SPS. Pengurusan perubahan yang berlaku di sekolah pada masa kini adalah daripada segi penggunaan sistem pengurusan maklumat di sekolah dalam pengurusan serta pentadbiran bagi tujuan memantapkan lagi pembangunan di sekolah.

### **1.3 Pernyataan Masalah**

Pada tahun 2014, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah melaksanakan inovasi dalam pengurusan data. Pelaksanaan inovasi ini diterajui oleh guru-guru di sekolah di mana KPM mengarahkan supaya mengisi semua data yang berkaitan pelajar ke dalam SPS secara online. Namun begitu, terdapat beberapa masalah yang timbul dalam pelaksanaan perubahan ini iaitu penerimaan guru-guru. Tidak semua guru boleh menerima SPS ini kerana mereka telah stabil dengan sistem yang lama iaitu terutamanya guru-guru yang mempunyai pengalaman yang lebih lama (Mohd Nuin dan Ambotang, 2019). Justeru itu, keberkesanan sekolah adalah perkara utama yang dilihat bagi memastikan pelaksanaan SPS ini adalah memberi impak yang berkesan atau sebaliknya.

Keberkesanan sekolah adalah mempunyai kaitan dengan sebarang perubahan yang berlaku di sekolah. Bertepatan dengan Mohd Nuin dan Ambotang (2019) di mana pengurusan perubahan sistem yang berlaku menimbulkan banyak persoalan dari segi penerimaan guru. Menurutny lagi, pelaksanaan perubahan dalam pengurusan data melibatkan perubahan pada amalan terutama kepada



keberkesanan sekolah. Selain itu, keberkesanan sekolah juga menjadi tidak berkesan sekiranya perjalanan pengurusan dalam kebolehgunaan sistem pengurusan sekolah mempunyai masalah. Ini disokong oleh kajian yang dilakukan oleh Yaser, Alina dan Nor Aziati (2015) menunjukkan terdapat beberapa masalah untuk pembangunan sistem maklumat pengurusan dalam sesebuah organisasi seperti kekurangan bajet dalam keperluan ICT, kekangan sumber manusia yang berkecukupan dalam bidang komputer dan kurangnya kemudahan yang disediakan oleh pihak yang bertanggungjawab yang sekaligus mengakibatkan penembusan ICT yang perlahan. Menurutnya lagi, hasil dapatan yang diperolehi menunjukkan masalah utama menghalang penggunaan yang berkesan dalam sistem pengurusan maklumat sekaligus merencatkan keberkesanan organisasi ialah kualiti sistem, kualiti maklumat, kualiti perkhidmatan, sokongan pengurusan pihak atasan, latihan pengguna dan pengalaman pengguna.

Menurut Gruzd, Staves dan Wilk (2012), walaupun teknologi dan sistem maklumat adalah semakin popular serta menjadi kepentingan dalam komuniti ilmiah, namun begitu teknologi dan sistem maklumat ini kadang kala tidak memberi kesan dan menyokong kepada pengurusan perubahan serta sekali gus tidak memberi impak yang berkesan kepada sesebuah institusi dan keberkesanan organisasi. Tambahnya lagi, sebagai contoh pada masa ini terdapat penggunaan sistem maklumat dan komunikasi yang tidak serasi digunakan dalam jabatan mereka kerana disebabkan kekurangan alat-alat kemudahan yang dapat membantu mereka dalam penyelidikan yang dilakukan.

Kajian yang dilakukan oleh Azlinah et. al, (2009) turut mengatakan bahawa sistem maklumat pengurusan pendidikan adalah memainkan peranan yang penting dalam membantu pembuat dasar pendidikan, pembuat keputusan dan untuk pentadbir sekolah membuat keputusan yang baik dan tepat pada masanya dalam pengurusan sekolah di Malaysia dan sekaligus memberi impak kepada keberkesanan sekolah. Namun begitu, masalah yang timbul dalam pelaksanaannya seperti ketepatan maklumat dan kecekapan sistem menyebabkan ianya memberi kesan kepada keberkesanan sekolah. Keberkesanan sekolah juga bermasalah apabila berhadapan dengan masalah kualiti maklumat (Mohd Nuin dan Ambotang, 2019). Antara masalah yang dilihat daripada segi kualiti maklumat di mana apabila terlalu banyak data-data yang perlu disimpan dan tidak dijaga dengan baik di mana ianya boleh menyebabkan data boleh menjadi *corrupt* (rosak) (Azlinah et. al, 2009).

Kajian yang dilakukan oleh Hamimah dan Rohaya (2014) mendapati terdapat keluhan guru-guru terhadap pelaksanaan SPS yang seterusnya memberi kesan kepada keberkesanan sekolah. Ianya adalah di mana mereka merasakan perubahan dalam aplikasi SPS ini adalah dilakukan secara drastik tanpa penerangan yang jelas daripada pihak atasan. Antara masalah yang dihadapi dalam penggunaan SPS di sekolah adalah seperti capaian internet yang perlahan, kurangnya penerangan dan latihan dalam menggunakannya dan terdapat guru-guru yang tidak mahir dalam menggunakan komputer (Hamimah

et.al, 2014). Selain itu, dapatan yang diperolehi oleh Anuar dan Mohd Nordin (2015) yang turut menyokong bahawa SPS secara umumnya adalah satu bebanan kepada guru-guru walaupun pada asalnya pelaksanaannya adalah untuk mengurangkan beban kerja guru dan merupakan satu anjakan paradigma untuk pengurusan perubahan di sekolah dan diimplementasikan untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sekolah. Dalam menyediakan evidens yang banyak, guru-guru perlu memperuntukkan masa yang mencukupi, namun begitu apa yang didapati masalah daripada *server* di sekolah menyebabkan guru-guru terpaksa menghabiskan masa yang banyak dalam menggunakannya.

Selain itu, guru-guru menghadapi masalah dengan *server* yang perlahan (Hamimah et.al, 2014). Selain itu juga, guru perlu memasukkan hasil penilaian ke dalam sistem, namun begitu terdapat masalah daripada capaian internet yang sangat perlahan walaupun kemudahan *wifi* disediakan, keadaan ini disebabkan jumlah pengguna yang ramai. Kebolegunaan dan penerimaan SPS di sekolah adalah salah satu perkara yang dilihat memainkan peranan kepada produktiviti sekaligus kepada keberkesanan sekolah (Abd Rahim dan Khadijah, 2012). Penerimaan menurut Xuong dan Minh (2013) adalah digambarkan sebagai keseronokan atau keadaan emosi positif hasil daripada penilaian / pengalaman yang mereka alami. Penerimaan guru terhadap SPS adalah berkaitan dengan tingkah laku guru terhadap SPS serta bagaimana guru menyatakan kepuasan dalam melakukan tugas mereka dan melihat samaada mereka menjadi lebih produktif untuk melakukan kerja atau sebaliknya (Samina, Farooq, dan Nadeem, 2012). Selain itu, Mohd Nuin dan Ambotang (2019) yang turut menyatakan tahap penerimaan guru terhadap sistem pengurusan maklumat yang baharu diperkenalkan ini juga tidak sama dan sekali gus memberikan impak yang berbeza terhadap output yang dihasilkan. Berdasarkan kajian lepas yang terhad dalam sistem pengurusan sekolah (SPS), maka kajian ini melihat pemboleh ubah yang penting untuk memperihalkan sejauh mana SPS mempengaruhi keberkesanan sekolah.

Selain daripada faktor kebolegunaan, penerimaan dan pengurusan perubahan, faktor jantina juga adalah salah satu faktor yang dilihat memberi impak kepada penggunaan sistem pengurusan maklumat. Menurut Mohd Nuin dan Ambotang (2019) perbezaan dari segi jantina, umur dan tahap pendidikan juga adalah perkara yang memberi kesan kepada penggunaan sistem pengurusan maklumat. Berdasarkan kepada kajian yang dilakukan Christensen, Knezek dan Overall (2005) dan Li dan Kirkup (2007) yang menunjukkan terdapat perbezaan antara lelaki dan perempuan dalam penggunaan sistem pengurusan maklumat.

Seterusnya, menurut Venkatesh et al., (2003) menunjukkan bahawa terdapat perbezaan antara jantina dalam penerimaan penggunaan teknologi antara lelaki dan perempuan. Selain itu, bagi faktor pengurusan perubahan pula menunjukkan tiada perbezaan jantina antara lelaki dan perempuan (Charu, 2018). Berdasarkan dapatan kajian-kajian lepas yang telah diperolehi, ianya mempunyai dapatan yang menunjukkan terdapat perbezaan dan tiada perbezaan antara lelaki dan

perempuan. Justeru itu, dalam kajian ini faktor jantina digunakan adalah untuk melihat sama ada terdapat perbezaan atau tiada perbezaan antara lelaki dan perempuan dalam penggunaan SPS di sekolah.

Memandangkan penggunaan SPS telah mula dilaksanakan di seluruh sekolah Malaysia, sedangkan kajian tentang kebolehgunaannya, penerimaan dan pengurusan perubahan SPS terhadap keberkesanan sekolah di Malaysia sangat sedikit justeru itu kajian yang dilakukan ini adalah penting bagi melihat sejauhmana pengaruh SPS kepada keberkesanan sekolah. Sehingga kini masih kekurangan kajian yang dijalankan bagi menilai kejayaan sistem tersebut (Aslina dan Ermie, 2016). Sehubungan itu, satu kajian untuk melihat kebolehgunaan dan penerimaan SPS, pengurusan perubahan SPS terhadap keberkesanan sekolah perlu dijalankan kerana ianya telah diguna pakai semenjak 2014 lagi. Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan untuk melihat kebolehgunaan, penerimaan dan pengurusan perubahan SPS terhadap keberkesanan sekolah. Sejauh manakah pengaruh antara kebolehgunaan, penerimaan dan pengurusan perubahan SPS terhadap keberkesanan sekolah dan seterusnya mencadangkan suatu model peramal bagi keberkesanan sekolah? Persoalan-persoalan di atas perlu dijawab bagi memberi gambaran yang lebih menyeluruh tentang impak SPS terhadap keberkesanan sekolah.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Secara keseluruhan, objektif umum dalam kajian ini adalah untuk mengenal pasti pengaruh kebolehgunaan SPS, penerimaan SPS, pengurusan perubahan SPS terhadap keberkesanan sekolah. Manakala objektif khusus kajian ini adalah untuk:

- i. Menentukan tahap keberkesanan sekolah.
- ii. Menentukan tahap kebolehgunaan SPS, penerimaan SPS dan pengurusan perubahan SPS dalam kalangan guru.
- iii. Meramal kesan langsung kebolehgunaan SPS, penerimaan SPS dan pengurusan perubahan SPS terhadap keberkesanan sekolah.
- iv. Meramal jantina guru berperanan sebagai moderator bagi hubungan kebolehgunaan SPS, penerimaan SPS, pengurusan perubahan SPS dengan keberkesanan sekolah.
- v. Membentuk model ramalan yang sepadan berkaitan dengan kebolehgunaan SPS, penerimaan SPS dan pengurusan perubahan SPS terhadap keberkesanan sekolah.

#### **1.5 Persoalan Kajian**

- i. Apakah tahap keberkesanan sekolah dalam kalangan guru?
- ii. Apakah tahap kebolehgunaan SPS dalam kalangan guru?
- iii. Apakah tahap penerimaan SPS dalam kalangan guru?

- iv. Apakah tahap pengurusan perubahan SPS dalam kalangan guru?

## 1.6 Hipotesis Kajian

### Objektif Ketiga

Untuk meramal kesan langsung kebolegunaan SPS, penerimaan SPS dan pengurusan perubahan SPS dengan keberkesanan sekolah.

- i. **H1:** Terdapat kesan langsung yang signifikan antara kebolegunaan SPS dengan keberkesanan sekolah.
- ii. **H2:** Terdapat kesan langsung yang signifikan antara penerimaan SPS dengan keberkesanan sekolah.
- iii. **H3:** Terdapat kesan langsung yang signifikan antara pengurusan perubahan SPS dengan keberkesanan sekolah.

### Objektif Keempat

Meramal jantina guru berperanan sebagai moderator bagi hubungan kebolegunaan SPS, penerimaan SPS, pengurusan perubahan SPS dengan keberkesanan sekolah.

- iv. **H4:** Terdapat kesan moderasi jantina bagi hubungan kebolegunaan SPS dengan keberkesanan sekolah.
- v. **H5:** Terdapat kesan moderasi jantina bagi hubungan penerimaan SPS dengan keberkesanan sekolah.
- vi. **H6:** Terdapat kesan moderasi jantina bagi hubungan pengurusan perubahan SPS dengan keberkesanan sekolah.

## 1.7 Kepentingan Kajian

Tinjauan kebolegunaan, penerimaan dan pengurusan perubahan SPS terhadap keberkesanan sekolah adalah penting kerana sistem SPS ini adalah masih baru digunakan di sekolah-sekolah dalam Malaysia. Ekoran daripada itu, kajian ini adalah untuk melihat sejauh mana kebolegunaan SPS yang menggunakan Model McLean dan DeLone (2003) iaitu terdiri daripada kualiti sistem, kualiti maklumat, kualiti perkhidmatan, penggunaan sistem dan kepuasan sistem terhadap keberkesanan sekolah. Selain itu, kajian ini juga dilakukan kerana tiada kajian spesifik yang telah dilakukan oleh penyelidik terdahulu bagi melihat sejauhmana penerimaan SPS di sekolah yang menggunakan Teori UTAUT (2003) terdiri daripada jangkaan prestasi, jangkaan usaha, pengaruh sosial dan keadaan kemudahan terhadap keberkesanan sekolah dalam penggunaan SPS di sekolah. Seterusnya, kajian ini turut dilakukan untuk melihat sejauhmana pengurusan perubahan SPS yang menggunakan Model ADKAR (2006) terdiri daripada kesedaran, keinginan, pengetahuan, keupayaan dan pengukuhan



terhadap keberkesanan sekolah. Ketiga-tiga faktor ini dikaji kerana didapati kekurangan kajian yang dilakukan berkaitan dengan sistem pengurusan sekolah.

Di samping itu, kesan moderator jantung ke atas hubungan antara kebolegunaan, penerimaan dan pengurusan perubahan terhadap SPS terhadap keberkesanan sekolah juga diperihalkan. Ini bertujuan menghasilkan gambaran yang lebih menyeluruh tentang impak kebolegunaan, penerimaan dan pengurusan perubahan SPS ke atas keberkesanan sekolah bagi membolehkan segala dapatan yang diperolehi memberi gambaran untuk penambahbaikan sistem tersebut. Manakala di peringkat penggubalan dasar dan pelaksanaan, dapatan kajian ini mungkin menjadi panduan para penggubal dasar di Kementerian Pendidikan berkenaan dengan pelaksanaan sistem pengurusan sekolah (SPS) dalam keberkesanan sekolah. Secara umumnya, kepentingan kajian dapat dijelaskan daripada dua aspek utama iaitu aspek teori dan aspek amalan praktik.

Kajian ini menyumbang kepada penemuan baru penggunaan Model DeLone dan McLean (2003), Teori UTAUT (2003), Model ADKAR (2006) dan Teori Kontigensi Woodward (1965) dalam penggunaan sistem pengurusan sekolah (SPS) untuk keberkesanan sekolah. Teori Kontigensi Woodward (1965) adalah didasarkan kepada hubungan antara pemboleh ubah tidak bersandar iaitu terdiri daripada Model DeLone & McLean (2003), Teori UTAUT (2003) dan Model ADKAR (2006). Konsep asas Teori Kontigensi Woodward diperkenalkan oleh Woodward (1965) yang terdiri daripada tiga faktor iaitu teknologi, struktur persekitaran dan struktur organisasi. Ketiga-tiga faktor ini memberi tumpuan kepada keberkesanan dalam sesebuah organisasi. Hubungan antara pemboleh ubah yang diselidiki dalam kajian ini pula boleh memberi sumbangan terhadap penambahbaikan teori dan model yang sedia ada (Lunenburg, 2011) iaitu Model DeLone & McLean (2003), Teori UTAUT (2003) dan Model ADKAR (2006). Penambahbaikan teori dan model ini boleh dilakukan berdasarkan kepada dapatan diakhir kajian ini iaitu model pengukuran berstruktur.

Selain itu juga, tinjauan setakat ini mendapati tiada kajian spesifik tentang pengaruh sistem pengurusan sekolah (SPS) terhadap keberkesanan sekolah. Sehubungan itu, hasil kajian ini dapat memberi lebih maklumat dan sebarang dapatan merupakan penemuan baru dalam kajian penerimaan sistem maklumat, kebolegunaan sistem maklumat dan pengurusan perubahan sekolah bukan sahaja di Malaysia tetapi juga di negara luar. Model yang dicadangkan bertujuan memberi penerangan yang lebih komprehensif tentang sumbangan penerimaan SPS, kebolegunaan SPS, pengurusan perubahan dan juga keberkesanan sekolah. Manakala daripada aspek praktik pula ialah, kajian ini dapat menghasilkan maklumat dan dapatan yang penting tentang kebolegunaan, penerimaan dan pengurusan perubahan SPS di sekolah terhadap keberkesanan sekolah (manfaat keseluruhan iaitu kesan individu dan kesan organisasi).

Dapatan kajian penting dalam memberi input kepada pihak kementerian tentang keberkesanan sekolah terutama guru-guru dalam menggunakan sistem yang dibangunkan oleh mereka sama ada berkesan atau sebaliknya. Maklumat tentang kebolegunaan SPS, penerimaan SPS dan pengurusan perubahan SPS terhadap keberkesanan sekolah diterangkan pada akhir kajian. Maklumat tersebut dijangka dapat menjadi rujukan kepada kementerian pendidikan tentang cara untuk meningkatkan keberkesanan sistem maklumat di sekolah untuk tidak membebankan guru-guru dalam menggunakannya sekali gus memastikan sistem yang dibangunkan dapat meningkatkan lagi pengurusan pentadbiran di sekolah.

Akhirnya, dapatan kajian ini diharap dapat dijadikan sebagai rujukan kepada para penyelidik yang berminat dalam kajian sistem pengurusan maklumat di sekolah atau kajian yang berkaitan dengan penggunaan sistem pengurusan maklumat dalam pengurusan serta pentadbiran di sekolah. Sumber ini penting sebagai rujukan tambahan selain rujukan kini yang terhad. Dapatan boleh menjadi sumber rujukan kepada para penyelidik dalam menyediakan sistem pengurusan maklumat yang lebih berkesan, mesra pengguna dan mudah untuk digunakan sekali gus memberi kemudahan kepada guru dalam menggunakannya. Secara ringkasnya, hasil kajian ini penting bagi semua pihak. Ini adalah untuk kesejahteraan guru-guru bagi membantu dalam pembangunan dan kemajuan sesebuah negara.

## **1.8 Batasan Kajian**

Populasi dalam kajian ini dihadkan kepada guru-guru sekolah menengah Semenanjung Malaysia sahaja iaitu sebanyak 16,819 orang. Dari segi pemilihan lokasi kajian pula, guru-guru yang dipilih adalah mewakili Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) yang telah dipilih secara rawak iaitu PPD Johor Bahru, PPD Petaling Perdana, PPD Kota Bahru dan PPD Timur Laut. Kos yang tinggi melibatkan urusan pengesanan dan jarak yang jauh bagi setiap lokasi kajian merupakan cabaran yang terbesar yang dihadapi pengkaji. Oleh itu, pengkaji hanya mampu mentadbir sendiri proses pengedaran borang soal selidik bagi responden yang berada di sekolah PPD Petaling Perdana sahaja. Bagi sekolah di PPD Johor Bahru, PPD Kota Bahru dan PPD Timur Laut pengkaji memohon bantuan daripada salah seorang guru bagi mewakili setiap sekolah yang terpilih untuk membantu urusan mengedar, mentadbir dan mengumpulkan semula borang soal selidik.

Kajian ini juga hanya menentukan pengaruh kebolegunaan SPS, Penerimaan SPS dan pengurusan perubahan SPS berdasarkan perspektif guru sahaja tidak melibatkan pengetua dan penolong kanan. Manakala, proses pengumpulan data dijalankan hanya menggunakan borang soal selidik. Maka pengkaji hanya dapat mengukur dari sudut data kuantitatif dan tidak melibatkan data berbentuk kualitatif. Dengan itu, ketepatan dan kebolehpercayaan kajian ini bergantung pada instrumen yang mempunyai ketepatan dan kebolehpercayaan yang tinggi.

## 1.9 Definisi Operasional

Kajian ini menerangkan tentang definisi operasional bagi setiap pemboleh ubah yang dikaji seperti di bawah.

### 1.9.1 Kebolegunaan Sistem Pengurusan Sekolah

Menurut DeLone dan McLean (2003), kebolegunaan sistem pengurusan sekolah ialah merujuk kepada bagaimana sesebuah sistem pengurusan maklumat yang digunakan dapat berinteraksi secara berkesan oleh pengguna. Dalam konteks kajian ini, kebolegunaan sistem pengurusan sekolah merujuk kepada bagaimana sistem pengurusan sekolah yang terdapat di sekolah berinteraksi secara berkesan di sekolah daripada perspektif guru-guru sendiri. Kebolegunaan dalam kajian ini dilihat daripada sudut kualiti SPS, kualiti maklumat SPS dan kualiti perkhidmatan SPS, penggunaan SPS dan kepuasan SPS yang diambil daripada Model DeLone dan McLean (2003) (Peter, DeLone dan McLean, 2008). Konstruk-konstruk tersebut adalah seperti:

- i. Kualiti sistem: Untuk mengukur ciri-ciri yang diinginkan dalam sistem maklumat. Pengukuran kualiti sistem menggunakan ciri-ciri seperti kemudahan penggunaan, ciri sistem, masa tindak balas, dan fleksibiliti (Peter, DeLone dan McLean, 2008). Dalam kajian ini kualiti sistem dinilai dengan mengkaji kemudahan penggunaan yang berkaitan dengan sistem pengurusan sekolah serta fungsi, fleksibiliti, mudah digunakan dan berfungsi dengan berkesan.
- ii. Kualiti Maklumat: Berkaitan dengan isu kandungan dan ciri-ciri output sistem maklumat. Kualiti maklumat ialah merujuk kepada output sistem maklumat dari segi ketepatan masa, ketepatan, kebolehpercayaan, dan kepercayaan (Peter, DeLone dan McLean, 2008). Kajian ini adalah untuk melihat persepektif kualiti maklumat yang terdapat dalam SPS dari segi ketepatan, kegunaan dan ketepatan maklumat yang dihasilkan oleh sistem pengurusan sekolah digunakan.
- i. Kualiti perkhidmatan: Kualiti perkhidmatan merujuk kepada kemudahan, jaminan dan tindak balas oleh jabatan sistem sokongan, serta penyediaan penggunaan latihan (Peter, DeLone dan McLean, 2008). Dalam kajian ini, kualiti perkhidmatan diukur dengan memeriksa sokongan dan bantuan yang diberikan oleh pihak kementerian khususnya untuk membantu guru-guru di sekolah sekiranya memerlukan bantuan yang diperlukan.
- ii. Penggunaan: Penggunaan ialah merujuk kepada penggunaan yang sebenar dan kekerapan penggunaan pengguna (Peter, DeLone dan McLean, 2008). Dalam kajian ini dinilai dari sudut kegunaan yang dilihat, seperti mengukur penggunaan sebenar pengguna dalam sistem pengurusan sekolah dan untuk melihat kekerapan guru-guru dalam menggunakan SPS untuk melaksanakan tugas di sekolah.
- iii. Kepuasan pengguna: hanya dianggap sebagai salah satu perkara yang diambil kira dalam pengukuran kejayaan sistem maklumat, di mana

konstruk ini yang sering diukur oleh kepuasan pengguna secara keseluruhan (Peter, DeLone dan McLean, 2008). Dalam kajian ini adalah untuk mengukur secara keseluruhan kepuasan guru dalam penggunaan sistem pengurusan sekolah.

### 1.9.2 Penerimaan Sistem Pengurusan Sekolah

Penerimaan pengguna terhadap sesuatu teknologi didefinisikan sebagai keinginan pengguna untuk mengambil atau menggunakan suatu teknologi baharu yang direka untuk menyokong sesuatu tugas (Venkatesh et.al, 2003). Penerimaan SPS dalam kajian ini adalah dilihat daripada sudut sejauh mana guru-guru menerima SPS yang digunakan di sekolah dalam melaksanakan tugas mereka. Berdasarkan kajian yang dilakukan ini, penerimaan SPS meliputi perspektif guru dalam aspek-aspek yang terkandung dalam *Unified Theory of Acceptance and Use of Technology* (UTAUT) (Venkatesh et.al, 2003) iaitu jangkaan prestasi, jangkaan usaha, pengaruh sosial dan keadaan kemudahan berfokus kepada pengguna (guru) dalam menggunakan sistem yang terdapat di sekolah. Konstruk-konstruk tersebut adalah seperti:

- i. Jangkaan prestasi ditakrifkan sebagai tahap yang mana individu percaya bahawa menggunakan sistem itu akan membantu dia mencapai keuntungan dalam prestasi pekerjaan (Venkatesh et.al, 2003). Dalam konteks kajian ini, jangkaan prestasi merujuk kepada sejauh mana guru melihat bahawa menggunakan SPS adalah berguna dan membantu mereka untuk melaksanakan dan menyelesaikan tugas akademik mereka seperti tugas di sekolah.
- ii. Jangkaan Usaha ditakrifkan sebagai tahap tenaga dan usaha yang diperlukan dalam penggunaan sistem ini (Venkatesh et.al, 2003,). Dalam kajian ini, jangkaan usaha merujuk kepada sejauh manakah guru menganggap bahawa menggunakan sistem pengurusan maklumat mudah dan bebas daripada sebarang usaha yang diperlukan.
- iii. Pengaruh sosial ditakrifkan sebagai tahap yang mana seorang individu menganggap bahawa orang lain yang dianggap penting percaya bahawa dia harus menggunakan sistem baru ini (Venkatesh et.al, 2003,). Dalam kajian ini, pengaruh sosial merupakan sejauh mana seorang guru mempengaruhi rakan yang lain dalam menggunakan SPS dan sejauh mana individu juga dipengaruhi serta mendapat sokongan dalam menggunakan SPS dan menganggap bahawa penggunaan SPS itu adalah penting dalam melakukan tugas.
- iv. Keadaan kemudahan adalah syarat atau elemen dalam persekitaran yang dapat membantu penggunaan teknologi (Venkatesh et al., 2003). Dalam kajian ini, keadaan kemudahan merujuk kepada sejauh manakah guru menganggap bahawa bantuan daripada pentadbiran sekolah adalah penting dalam menggunakan SPS di sekolah. Kemudahan teknikal merujuk kepada *helpdesk* yang disediakan oleh sekolah, dalam bentuk pembantu teknikal untuk membantu dalam menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan penggunaan SPS di sekolah seperti

ketiadaan internet di sekolah dan sekiranya komputer mengalami kerosakan.

### 1.9.3 Pengurusan Perubahan Sistem Pengurusan Sekolah

Pengurusan perubahan didefinisikan sebagai perkara atau perubahan keadaan atau keadaan semasa atau perubahan untuk keadaan akan datang dalam menentukan ke mana arah tujuan dalam sesebuah organisasi (Hiatt, 2006). Dalam kajian ini, pengurusan perubahan adalah dilihat daripada fasktor sejauh mana guru-guru menyedari dan memahami tentang pengurusan perubahan SPS yang dilaksanakan di sekolah. Terdapat lima konstruk yang terdapat dalam Model ADKAR iaitu kesedaran, keinginan, pengetahuan, keupayaan dan pengukuhan (Hiatt, 2006). Konstruk-konstruk tersebut adalah seperti:

- i. Kesedaran  
Kesedaran adalah merujuk seseorang individu dalam organisasi menyedari keperluan untuk perubahan, mengapa perubahan dilakukan dan apa yang dapat dihasilkan berdasarkan perubahan tersebut (Hiatt, 2006). Dalam kajian ini, kesedaran adalah untuk melihat sejauh mana guru-guru menyedari sepenuhnya tentang perubahan penggunaan SPS di sekolah yang telah diimplementasikan oleh Kementerian.
- ii. Keinginan  
Keinginan adalah seseorang individu itu harus mempunyai hasrat untuk berubah (Hiatt, 2006). Individu perlu mahu (mempunyai keinginan) untuk menjadi sebahagian daripada perubahan dan sokongan perubahan itu (Hiatt, 2006). Keinginan dalam kajian ini untuk melihat sejauh mana guru-guru mempunyai nilai motivasi dan keinginan yang tinggi dalam melaksanakan perubahan SPS yang telah berlaku di sekolah.
- iii. Pengetahuan  
Menurut Hiatt (2006), individu memerlukan pengetahuan untuk berubah. Individu perlu ada pengetahuan tentang perubahan yang berlaku, apakah perkara yang terdapat dalam membuat perubahan itu. (Hiatt, 2006). Pengetahuan dalam kajian ini adalah untuk mengenal pasti sejauh mana guru-guru mempunyai ilmu, maklumat, kemahiran dan pengetahuan dalam perubahan penggunaan SPS yang berlaku di sekolah.
- iv. Keupayaan  
Keupayaan adalah di mana bagaimana individu mempunyai keupayaan melaksanakan perubahan dan mencapai hasil yang diinginkan. (Hiatt, 2006). Keupayaan dalam kajian ini adalah untuk mengenal pasti sejauh mana guru-guru berupaya untuk menggunakan SPS di sekolah dan sejauh mana mereka dapat menerapkan penggunaan SPS dalam perubahan yang berlaku di sekolah.



- v. Pengukuhan  
Pengukuhan adalah di mana membuat perubahan itu sebagai sebahagian daripada struktur organisasi / syarikat dan pengukuhan untuk mengekalkan perubahan (Prosci 2017, dan Hiatt, 2006). Pengukuhan dalam kajian ini adalah memberi tumpuan kepada sejauh mana guru-guru dapat mengekalkan untuk terus menggunakan SPS di sekolah.

#### **1.9.4 Keberkesanan Sekolah**

Keberkesanan adalah merujuk kepada output sebenar atau keputusan pencapaian organisasi yang diukur berdasarkan matlamat dan objektif yang dikehendaki (Woodward, 1965). Keberkesanan sekolah dalam kajian ini adalah untuk melihat sejauh mana dalam kejayaan sistem maklumat dan sejauh mana sistem maklumat yang menyumbang kepada keberkesanan sekolah berdasarkan penggunaan SPS di sekolah daripada perspektif guru. Ianya merupakan kepada kejayaan pelbagai pihak berkepentingan, sama ada positif atau negatif dalam penggunaan SPS di sekolah. Dalam kajian ini keberkesanan sekolah adalah dilihat daripada semua sudut secara keseluruhan sistem pengurusan sekolah yang digunakan oleh guru-guru berdasarkan kepada kebolehgunaan, penerimaan dan pengurusan perubahan.

#### **1.10 Kesimpulan**

Secara keseluruhan Bab 1 ini menjelaskan tentang latar belakang kepada permasalahan kajian iaitu kebolehgunaan SPS, penerimaan SPS dan pengurusan perubahan SPS terhadap keberkesanan sekolah. Pernyataan masalah kajian juga dibincangkan berdasarkan kajian-kajian lepas terhadap isu sistem maklumat, pengurusan perubahan dan juga keberkesanan sekolah. Objektif kajian juga diperjelaskan dalam kajian ini, seterusnya kepentingan kepada kajian ini juga diterangkan. Batasan kajian ini dilakukan di sekolah zon utara, timur, tengah dan selatan yang mempunyai sistem pendidikan yang sama di bawah penarafan standard Kementerian Pelajaran Malaysia. Dalam kajian ini, penyelidik mengkaji kebolehgunaan SPS, penerimaan SPS dan pengurusan perubahan SPS terhadap keberkesanan sekolah.

## BIBLIOGRAFI

- A. Farid. (2016). Improve the usability of student information system at Aden University. *International Journal of Contemporary Computer Research (IJCCR)*, Vol.1 Issue.1 (April, 2016)
- A. Hamdan, R. Din, S.Z. Abdul Manaf, N.S Mat Salleh, I.F. Kamsin & N.M. Ismail. (2015). Pengaplikasian UTAUT dalam bidang Pendidikan: Satu Ulasan Sistemik (UTAUT Application in the field of Education: A systematic Review). *Journal of Advanced Review on Scientific Research*, 5(1), 42-45. ISSN:2289-7887.
- Ababneh, R. & Adwan, Y. (2008). Factors influencing the practice of organizational learning in Jordanian municipalities. *Journal of Public Administration Institute – Saudi Arabia* (Accepted paper).
- Abdelrahim M. Zabadi. (2016). Adoption of Information Systems (IS): The Factors That Influencing IS Usage and Its Effect on Employee in Jordan Telecom Sector (JTS): A Conceptual Integrated Model. *International Journal of Business and Management*, 11(3), 25.
- Abdulkadir, D.S., Isiaka, S.B. & Adedoyin, S.I. (2012), Effects of strategic performance appraisal, career planning and employee participation on organizational commitment: an empirical study, *International Business Research*, 5(4), 124-133.
- Abd Rahim Abdul Rahman & Khadijah Daud. (2012). *Hubungan Antara Sistem Pengurusan Sekolah Kualiti (SPSK) Dengan Kualiti Dan Produktiviti Guru Di Sekolah Rendah Rintis Daerah Johor Bahru*. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
